

Persisi akan anjur tandingan silat antara b-rakyat

pencak silat 29 JUL 1980

Oleh MOHD. MAIDIN

PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) akan menganjurkan Pertandingan Olahraga Silat Antara Balai Rakyat mulai November akan datang.

Inilah pertama kali pertandingan seumpama itu diadakan di sini dan sekiranya berjaya ia dijangka akan menjadi pembuka jalan bagi kegiatan silat yang lebih rancak di sini, dalam tahun-tahun akan datang.

Bersama

Pertandingan itu, anjuran bersama Persisi dengan Balai Rakyat Onraet Road, merupakan salah satu dari beberapa kegiatan utama Persisi untuk hujung tahun ini.

Setiausaha Persisi, Encik Johari Uriff, ketika mengumumkan pertandingan itu dalam satu temuramah, berkata bahawa pihaknya sedang mengadakan persiapan untuk mempastikan usaha itu berjalan dengan baik dan mencapai matlamatnya.

Encik Johari menekankan bahawa dengan ada-

nya pertandingan yang terbuka yang dianjurkan untuk semua pesilat di balai-balai rakyat, lebih ramai peminat seni itu akan dapat mengambil bahagian.

Pertandingan itu akan dibahagikan kepada enam bahagian, iaitu A, B, C, D, E dan F.

"Memandangkan kami masih belum mempunyai nama-nama khas untuk setiap bahagian seperti yang ditetapkan dalam pertandingan tinju (light-weight, middleweight, heavyweight), Persisi memutuskan membahagikan bahagian itu mengikut huruf-huruf A hingga F.

"Penentuan bahagian-bahagian akan dibuat mengikut berat badan setiap peserta. Bahagian A untuk mereka yang beratnya 40 hingga 45 kilogram, bahagian B 45 hingga 50 kilogram bahagian C 50 hingga 55, bahagian D 55-60, E 60-65 dan F 65 hingga 70 kilogram.

"Sehingga satu masa

bila nama-nama yang sesuai dapat digunakan untuk menamakan bahagian-bahagian itu, Persisi akan terus menggunakan huruf tersebut, kata Encik Johari.

Latihan

Selain dari itu, Persisi akan menganjurkan latihan pusat selepas Hari Raya ini untuk bersiap sedia menyertai Pesta Budaya Asean di Kuala Lumpur yang akan diadakan pada hujung tahun ini atau awal tahun depan.

Di samping itu, jawatankuasa kerja Persisi sedang mempercepat persiapan lakar buku silat mengenai sejarah persilatan di Singapura.

Lakar tersebut akan dirujukkan kepada Jawatankuasa Buku Silat Persekutuan Silat Antarabangsa (Persilat) yang beribupejabat di Indonesia.

Menurut Encik Johari, Persisi akan memberikan keutamaan dalam usaha



ENCIK JOHARI

menyiapkan sejarah silat Singapura itu memandangkan keperluannya dari segi pembacaan masyarakat rantau ini dan antarabangsa, sejarah dengan usaha Persilat meluaskan permainan silat di lebih banyak negara.